

31 JAN 2003

S'pura-Air/I

ISU AIR BUKAN DISEBABKAN WANG, KATA SINGAPURA

SINGAPURA, 31 Jan (Bernama) -- Kerajaan Singapura mengulangi pendiriannya bahawa pertikaian mengenai isu bekalan air dengan Malaysia bukan mengenai wang.

"Singapura tidak akan menjadi miskin hanya disebabkan kenaikan harga daripada tiga sen yang dibayar kepada Malaysia sekarang. Begitu juga seperti kata Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir) Mohamad Ogos lepas, Malaysia tidak akan menjadi kaya," kata setiausaha akhbar kepada Menteri Luar Prof S. Jayakumar dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Dr Tan Lian Choo mengeluarkan kenyataan itu selepas diminta mengulas "soalan retorik" Dr Mahathir semalam, sama ada Singapura akan kehilangan kedaulatan dengan kenaikan harga air.

Dalam kenyataannya, Dr Tan berkata: "Biar saya ulangi pendirian Singapura bagi faedah mereka yang kelihatan sukar untuk memahaminya, (Prof) Jayakumar jelas menyatakan isu sebenar bukanlah mengenai harga."

Beliau berkata Jayakumar memberitahu parlimen Sabtu lepas bahawa : " Isu penting bukanlah sebanyak mana yang kita bayar tetapi bagaimana kajian harga itu diputuskan. Malaysia mahu Singapura membayar lebih tinggi. Tetapi harga tidak boleh ditentukan mengikut kehendak Malaysia."

Dr Tan juga mengulangi kenyataan Jayakumar bahawa Perjanjian Air 1961 dan 1962 termaktub dalam Perjanjian Pemisahan yang didaftarkan dengan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

"Ia adalah asas kepada kewujudan kami sebagai sebuah negara merdeka. Malaysia atau Singapura tidak boleh mengubahnya secara bersendirian. Inilah asas pertikaian yang terjadi," kata Jayakumar.

-- BERNAMA

SS RM MOZ